

## Penutupan Pintu Ijtihad: Satu Kajian Semula

Amir Husin Mohd Nor

### Abstract

*This article highlights some legal arguments on the importance of opening the closure of ijtihād in present muslim society. It also discusses the misunderstanding of the popular notion regarding the discontinuity of ijtiḥad among the muslim society.*

### Pengenalan

Islam merupakan satu syariat yang sifatnya bersesuaian di semua tempat dan semua keadaan. Ini dapat digambarkan melalui kaedah fiqh yang terkenal *lā yunkar tāghayyur al-aḥkām bi tāghayyur al-azmān* yang bermaksud “tidak dinafikan perubahan hukum kerana perubahan masa”.<sup>1</sup> Keadaan ini terjadi adalah disebabkan oleh kewujudan pembinaan hukum yang berasaskan kepada apa yang dinamakan ijtiḥad yang merupakan salah satu kegiatan yang amat penting dalam pembinaan hukum Islam. Ijtiḥad bolehlah disimpulkan sebagai penyelidikan dan penelitian yang rapi dan teliti yang dilakukan oleh para mujtahid dalam mencari penyelesaian bagi sesuatu masalah yang tidak terdapat nas yang menjelaskannya. Ijtiḥad merupakan instrumen utama yang digunakan oleh para sahabat dan generasi seterusnya dalam mencari penyelesaian yang mereka hadapi sebaik sahaja kewafatan Rasulullah. Ini kerana semasa hayat Rasulullah, baginda merupakan tempat rujukan di samping wahyu dalam menyelesaikan permasalahan generasi waktu itu. Malah di zaman Rasulullah sendiri baginda melakukan ijtiḥad-ijtiḥad terutamanya yang berkaitan dengan kepentingan dan kemaslahatan keduniaan seperti yang jelas kita lihat di dalam hal ketenteraan. Sebagaimana firman Allah (bermaksud):

*“Sesungguhnya Allah memaafkan kamu atas pemberian keizinan ke atas mereka.”<sup>2</sup>*

Dalam ayat ini Allah telah menegur ijtihad yang dibuat oleh Rasulullah yang memberi keizinan kepada orang munafik daripada tidak ikut serta di dalam peperangan Tabuk. Rasulullah juga ditegur oleh Allah kerana menerima tebusan (*fidā'*) daripada perang Badar. Jadi di sini jelas Rasulullah melakukan ijtihad di dalam kehidupan seharian baginda. Ijtihad ini kemudiannya sebagaimana yang kita lihat akan diterima atau ditolak oleh Allah melalui pernyataan dari wahyu. Pada ketika wahyu tidak diturunkan maka bermakna ianya diterima sebagai betul.<sup>3</sup>

Sekalipun tidak berlaku pertukaran struktur dan rupa masyarakat yang drastik, penambahan masalah baru yang mendadak dan kejadian-kejadian yang tidak ada nas, selepas kewafatan Rasulullah, kepentingan ijtihad sebagai sumber penyelesaian kepada masalah baru tidak siapa yang dapat menafikannya. Setiap masalah baru yang tidak mempunyai nas atau dalil berkenaan dengannya diputuskan melalui ijtihad para sahabat. Malah sebaik sahaja kewafatan Rasulullah, para sahabat terpaksa berijtihad di dalam menentukan pengganti baginda di dalam menguruskan urusan umat Islam pada masa itu.

Apabila berlakunya perluasan wilayah umat Islam, berbagai bangsa yang memeluk Islam dan kemajuan tamadun manusia maka keperluan ini semakin bertambah. Keperluan kepada ijtihad ini semakin mendesak dengan timbulnya masalah-masalah baru yang dihadapi umat Islam masa kini yang sangat mengharapkan satu penyelesaian yang berteraskan ajaran Islam yang akan dipanggil sebagai satu pendirian yang sejajar dengan ajaran Islam. Walau bagaimanapun kerap kali kita dengar sungutan orang ramai tentang ketidak wujudan penyelesaian ini atau ianya tergantung begitu sahaja yang membuatkan masyarakat Islam kebingungan dalam menghadapi masalah tersebut. Masalah terbaru seperti pengklonan manusia, kesahihan DNA sebagai satu bahan bukti dalam kes jenayah dalam Islam, penggunaan komputer dan sebagainya memerlukan jawapan segera bagi merungkaikan kebingungan umat Islam dalam menghadapi permasalahan ini. Walau bagaimanapun berlaku di dalam sejarah Islam di mana aktiviti ijtihad ini telahpun seolah-olah ditutup kerana dianggap syariat Islam itu telah sempurna dan lengkap yang tidak memerlukan lagi tokok-tambah yang sekaligus menutup pintu ijtihad ini. Sehingga ke hari ini isu ijtihad ini masih lagi menjadi topik perbincangan di kalangan para sarjana Islam sama ada ianya harus diberikan ruang dan kelonggaran atau ianya harus ditutup sama sekali. Sesungguhnya perlu dicari satu penyelesaian bagi permasalahan ini demi menjaga kelangsungan pembinaan hukum Islam dan juga maslahat umat Islam terutamanya dalam menghadapi masalah-masalah yang baru yang belum ada jawapannya secara pasti dari al-Qur'an atau Sunnah.

## **Perselisihan ‘Ulama Tentang Kewujudan Mujtahid**

Antara permasalahan utama yang dikenal pasti menjadi punca kepada penutupan pintu ijtihad ini ialah dakwaan yang mengatakan bahawa para ‘ulama yang berkelayakan atau mujtahid tidak wujud lagi sejak kematian imam-imam keempat-empat mazhab. Syarat-syarat yang digariskan oleh para ‘ulama Islam di dalam kitab-kitab *uṣūl fiqh* adalah sesuatu yang rigid yang hampir mustahil bagi umat Islam pada hari ini untuk memenuhinya. Walau bagaimanapun perlu diingat bahawa syarat-syarat tersebut digariskan adalah khusus bagi mereka yang ingin mencapai darjat *mujtahid mustaqill* iaitu darjat tertinggi yang menyamai tingkatan darjat imam keempat-empat mazhab. Tentang darjat ini Imām al-Suyūṭī menyatakan bahawa ijtihad (mereka) ini telah lama hilang dan manusia tidak mungkin akan mencapai tingkatan tersebut.<sup>4</sup> Ini juga diakui oleh Imām al-Ghazālī di dalam *al-Mustasfā*, katanya:

“Ada sedikit keringanan (dari syarat-syarat tersebut) yang sering dilupakan orang ramai.” Selanjutnya beliau berkata “...terkumpulnya lapang pengetahuan ini hanya disyaratkan ke atas seorang *mujtahid muṭlaq* yang memberi fatwa dalam semua cabang hukum.”<sup>5</sup>

Begitu juga dengan Imām Zarkashī yang mungkin mengambil sama ada kata-kata Imām Fakhr al-Rāzī atau Imām al-Ghazālī menyatakan di dalam bukunya *al-Wasīṭ*, “zaman sekarang ini telah sunyi dari seorang *Mujtahid Mustaqill*.”<sup>6</sup> Bagi ‘ulama mutakhirin pula, seperti Muḥammad Abū Zahrah<sup>7</sup> dan Dr. Wahbah al-Zuhayli<sup>8</sup> juga berpegang dengan pendapat yang sama bahawa *Mujtahid Mustaqill* tidak wujud lagi hingga ke hari ini.

Walaupun bagaimanapun ‘ulama tidak menolak tentang kewujudan mujtahid selain daripada *Mujtahid Mustaqill* seperti *Mujtahid Madhhab* atau *Muqayyad* atau *Tarjih*. Imām al-Suyūṭī misalnya mengatakan bahawa sekalipun ramai yang berpandangan bahawa ketiadaan *Mujtahid Muṭlaq* (*Mujtahid Mustaqill* dan *Mujtahid Muntasib*) di zamannya tetapi mereka yakin akan kewujudan *Mujtahid Muqayyad*.<sup>9</sup> Begitu juga dengan Imām Nawawī misalnya, tidak menolak kewujudan *Mujtahid Fatwā* bagi melaksanakan beban ijtihad ini.<sup>10</sup> Imām Zarkashī juga sependapat dalam hal ini bahawa walaupun agak sukar bagi seseorang ‘ulama itu untuk mencapai darjat *Mujtahid Mustaqill* tetapi ianya tidak mustahil untuk mencapai darjat *Mujtahid Madhhab* bagi seseorang ‘ulama itu di dalam setiap zaman.<sup>11</sup> Oleh kerana itu jika dilihat kepada pembahagian mujtahid ini maka kita dapati terdapat lima tingkatan mereka yang layak untuk berijtihad:<sup>12</sup>

1. *Mujtahid Mustaqill*
2. *Mujtahid Muṭlaq ghayr Mustaqill*
3. *Mujtahid Muqayyad* atau *Mujtahid Takhrīj*

4. *Mujtahid Tarjih*

5. *Mujtahid Fatwā*.

Bagi 'Allāmah al-Dahlawī<sup>13</sup> pula, pembahagian mujtahid boleh dibahagikan seperti berikut:

1. *Mujtahid Muṭlaq* yang terdiri daripada *Mujtahid Mustaqill* dan *Mujtahid Muntasib*.
2. *Mujtahid Madhhab*
3. *Mujtahid Fatwā*.

Setiap tingkatan ini mempunyai syarat-syarat yang tersendiri yang sudah tentu berbeza antara satu sama lain. Syarat yang diletakkan untuk mencapai darjat *Mujtahid Fatwā* adalah lebih ringan berbanding dengan yang syarat-syarat *Mujtahid Mustaqill* dan *Mujtahid Muṭlaq ghayr Mustaqill*. Maka adalah tidak layak bagi golongan yang sentiasa menutup pintu ijtihad berpandangan sedemikian berdasarkan apa yang dibentangkan di atas.

Walau bagaimanapun perlu diingatkan bahawa 'ulama-'ulama dari mazhab yang empat masih berselisih pendapat tentang kewujudan *Mujtahid Mustaqill* setelah kewafatan imam mazhab yang empat. Di dalam mazhab Ḥanafī misalnya, sekalipun 'ulama-'ulama muta'akhirin mereka berpendapat mustahil wujudnya *Mujtahid Mustaqill* tetapi sebahagian mereka mengatakan bahawa Ibn Humām pengarang kitab *Fath al-Qadir* adalah tergolong dari mereka yang dianggap sebagai *Mujtahid Mustaqill*. Malah Mazhab Ḥanbalī dan sebahagian ulama mazhab Shāfi'i dengan jelas menyatakan bahawa tidak boleh sunyi di suatu zaman itu daripada mujtahid sekalipun *Mujtahid Mustaqill*. Bagi mereka, pintu ijtihad sentiasa dibuka bagi setiap zaman.<sup>14</sup>

### Berijtihad Dalam Bidang Pengkhususan

Kebolehan dan keharusan untuk melakukan ijtihad ini nampak lebih terbuka luas apabila sebahagian daripada membolehkan seseorang 'ulama itu untuk melakukan ijtihad di bidang ilmu yang dikuasainya sebagaimana kata Imam al-Ghazālī:

“Dan barangsiapa yang membahas masalah-masalah *mushtarakah* (*al-farā'id*) cukuplah dia adalah seorang yang faqih jiwanya dan mengetahui asas-asas ilmu *farā'id* dan pengertian-pengertiannya. Walaupun dia belum mengetahui ilmu hadith-hadith yang menjelaskan larangan meminum minuman keras atau masalah nikah tanpa wali....”<sup>15</sup>

Pendapat ini disokong oleh sebilangan 'ulama antaranya ialah Imam al-Ṣafī al-Hind yang menyatakan inilah pandangan ijma' para 'ulama. Selain daripada beliau Ibn

Daqīq al-Īd juga menyatakan bahawa dengan cara ini (kebenaran berijtihad dalam hal cabang ini membolehkan terbuka luasnya kemungkinan untuk berijtihad). Begitu juga dengan Imām al-Ghazālī dan al-Rāfi‘ī yang membolehkan ijtihad di dalam sesuatu bidang yang dikuasai oleh seseorang mujtahid itu.<sup>16</sup> Pendapat ini juga disokong oleh Ibn Qayyim sebagaimana dalam bukunya *I‘lām al-Muwaqqi‘īn* yang beliau berkata:

“Ijtihad itu boleh dipecahkan-pecahkan dan dibahagi-bahagikan. Boleh jadi seorang itu berijtihad dalam satu cabang ilmu dan bertaqlid pada cabang lainnya atau pada satu bab ilmu...”<sup>17</sup>

Di samping itu juga bukanlah menjadi syarat kepada mujtahid itu berkemampuan untuk menjawab semua pertanyaan atau persoalan yang diajukan kepadanya. Ini bermakna bukan semestinya mujtahid itu menguasai semua setiap satu-persatu al-Qur’an dan hadith-hadith. Imam mazhab yang empat yang berkedudukan sebagai *Mujtahid Mutlaq* pernah menyatakan bahawa mereka “tidak tahu” apabila diajukan persoalan kepada mereka. Malah dikatakan bahawa Imām Mālik hanya menjawab 4 pertanyaan sahaja dari 40 persoalan yang diajukan kepadanya dan 36 soalan lagi dijawabnya dengan “Aku tidak tahu.”<sup>18</sup> Menurut Imām al-Ghazālī, keadaan ini bukan merupakan sesuatu yang ganjil bagi mereka untuk tidak menjawab beberapa soalan yang diajukan kepada mereka.<sup>19</sup>

### **Pandangan ‘Ulama Muta’akhhirin**

Apabila difikirkan bahawa jika di zaman dahulu ijtihad sangat diperlukan walaupun masalah yang tidak banyak berlaku perubahan jika dibandingkan dengan apa yang ada pada masa kini, maka ianya adalah lebih diperlukan lagi bila dilihat kepada adanya perubahan drastik yang berlaku dalam bidang politik, ekonomi dan juga sosial setelah adanya revolusi industri, revolusi maklumat sehingga dunia ini bukan sahaja telah diistilahkan zaman moden malah telah diakui sebagai pasca-modern. Oleh sebab itu ijtihad merupakan keperluan yang mendesak untuk menangani permasalahan yang sentiasa berlaku dan bertambah setiap hari. Maka berdasarkan keperluan inilah kita dapati bahawa ‘ulama Ḥanbali seperti Isfiryānī dan al-Zubaydī dari mazhab Shāfi‘ī berpendapat bahawa tidak boleh sunyi di setiap zaman itu daripada mujtahid yang dianggap sebagai pewaris Nabi dalam menegakkan dalil-dalil Allah dan menjelaskan hukum dan juga berdakwah. Al-Hāfiẓ al-Suyūṭī membincangkan masalah ini telah berkata,

“Tidaklah tersembunyi pada anda bahawa pendapat yang mewajibkan ijtihad bererti mengharuskan adanya mujtahid pada setiap zaman.”<sup>20</sup>

‘Ulama-‘ulama ini telah mengemukakan satu hadith sahih yang berbunyi: “*Akan berterusan adanya segolongan umatku yang sentiasa memperjuangkan kebenaran*

sampai datangnya hari Qiamat.”<sup>21</sup> Ini disokong oleh Dr. Wahbah al-Zuhaylī yang menyatakan bahawa hadith yang dijadikan sandaran oleh ‘ulama yang menolak boleh berlaku ketiadaan mujtahid dalam suatu masa itu adalah salah. Bagi beliau hadith itu hanya menunjukkan tanda-tanda akan berlakunya kiamat *kubrā* dan sama sekali tiada kaitan dengan ketiadaan mujtahid.<sup>22</sup>

Lebih daripada itu, ijtihad bagi sebahagian ‘ulama bukan hanya sekadar boleh tetapi fardu kifayah hukumnya ke atas seluruh umat Islam sebagaimana juga fardu kifayah yang lain yang menjadi sendi perkara agama dan dunia. Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa ijtihad merupakan suatu keperluan sehingga ‘ulama menganggapnya sebagai fardu kifayah sebagaimana hukum fardu kifayah yang lain yang menjadi tanggungjawab ke atas umat Islam seluruhnya. Mereka dianggap berdosa sekiranya gagal untuk berjihad terutamanya pemerintah kerana merekalah yang bertanggungjawab menyediakan orang-orang yang melaksanakan beban fardu kifayah ini secara umumnya. Ini bermakna aktiviti-aktiviti ijtihad harus terus berlaku dan perlu adanya mujtahid yang mempraktikkan ijtihad. Jika tidak umat keseluruhannya dianggap berdosa. Dalam hal ini al-Qaraḍāwī menyatakan:

“Secara logiknya, tidak akan pernah wujud atau terjadi suatu yang diperlukan oleh manusia kemudian diharamkan oleh Allah. Bila adanya keperluan kepada ijtihad maka hukum diperbolehkannya harus tetap.”<sup>23</sup>

Kemudian permasalahan yang timbul di dalam isu kebenaran dan kebolehan untuk berjihad ini ialah tentang “standard piawaian” yang ditentukan bagi memenuhi syarat-syarat mujtahid. Tidak wujud satu badan atau individu yang mengeluarkan atau menganugerahkan semacam satu sijil kebenaran untuk melayakkan seseorang ‘ulama itu untuk berjihad. Akibatnya kebanyakan ‘ulama tidak berani untuk mengisytiharkan dirinya sebagai *mujtahid muṭlaq* atau sebagainya. Ini bukan merupakan sesuatu yang pelik bagi mereka yang bernama ‘ulama, kerana telah menjadi satu kemestiaan dan adat untuk mereka tidak menonjolkan diri mereka sebagai yang terbaik, terpandai dan sebagainya. Sedangkan martabat mujtahid ini merupakan martabat yang tertinggi di dalam kelompok mereka yang berilmu pengetahuan. Apa yang terjadi ialah penentuan atau pengkelasan mujtahid itu kebanyakannya dibuat selepas kematian seseorang ‘ulama yang boleh dipanggil sebagai mujtahid itu oleh ‘ulama-‘ulama yang hidup kemudian daripadanya. Dengan sebab itu terjadi keadaan bilamana seseorang ‘ulama itu tidak mahu mengiktiraf dirinya sebagai seorang mujtahid sedangkan mereka yang sesudahnya mengklasifikasikannya sebagai seorang mujtahid. Misalnya Imām al-Qaḍī dan al-Ghazālī yang tidak mengiktiraf diri mereka sebagai mujtahid dan menyatakan tidak wujudnya *Mujtahid Muṭlaq* di zaman mereka walaupun Imām Shawkānī mengategorikan mereka dan ramai ‘ulama yang lain sebagai *Mujtahid*

*Muṭlaq*. Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī juga menyatakan bahawa ulama Shāfi‘ī yang kebanyakannya menolak adanya *Mujtahid Muṭlaq*, seperti Ibn ‘Abd al-Sallām, Ibn al-Daqīq al-‘Id, Ibn Sayyid al-Nas, Zayn al-Dīn al-‘Irāqī, Ibn Hajar al-‘Asqalānī dan al-Suyūṭī sebenarnya adalah mereka yang telah sampai ke darjat *Mujtahid Muṭlaq* jika dikaji dari segi keilmuan mereka. Imām Zarkashī berkata di dalam bukunya *al-Baḥr “tidak ada seorangpun yang membantah bahawa Ibn ‘Abd al-Sallām telah mencapai darjat mujtahid, begitu juga Ibn Daqīq al-‘Id.”*<sup>24</sup> Apa yang berlaku hari ini ialah kebanyakan ‘ulama mutakhirin telah membuka seluasnya pintu ijtihad ini dan mereka menganggap usaha untuk mencapai darjat mujtahid ini adalah sama dengan usaha untuk mencapai darjah pakar dalam ilmu yang lain. Di antaranya ialah Sayyid Rashīd Ridā di dalam tafsirnya *al-Manar* telah menegaskan:

“Untuk mencapai syarat ijtihad yang mereka sebutkan itu bukan merupakan hal yang sulit dan bukan merupakan usaha yang lebih sukar dari usaha untuk mencapai ilmu-ilmu menurut ‘ulama sekarang di kalangan umat yang maju seperti ilmu hukum, kedokteran dan falsafah.”<sup>25</sup>

Mereka juga memberi alasan bahawa kemudahan yang sedia ada masa kini sebenarnya memudahkan bagi ‘ulama sekarang untuk berjihad dan kenapa pula ianya tidak diambilkira. Bentuk-bentuk kemudahan ini adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh al-‘Allāmah al-Ḥijāwī al-Faṣī dalam bukunya *Al-Fikr al-Sāmī fī Tārīkh al-Islāmī* di mana beliau menyatakan bahawa bahan-bahan ijtihad di zaman kini telah tersedia dan mudah untuk dibuat rujukan berbanding dengan ‘ulama terdahulu. Kemudahan ini seperti adanya teknologi percetakan yang mampu mengumpulkan karya-karya ‘ulama terdahulu dalam bentuk buku yang merupakan bahan penting dalam melakukan ijtihad. Hal ini diakui sendiri oleh Ustaz Ahmad Ibrahim Bey, seorang pensyarah Hukum Islam di Fakulti Hukum yang menyatakan,

“Hendaklah diketahui bahawa di hadapan kita terdapat simpanan berharga berupa karangan-karangan bernilai dalam tafsir, ensiklopedia al-Sunnah, kitab syarah al-hadith yang semuanya tidak mudah diperolehi pada zaman ‘ulama salaf al-salih..... Jadi ringkasnya ijtihad sekarang lebih mudah kerana telah lengkapnya prasarana ijtihad berbanding dengan zaman dahulu.”<sup>26</sup>

Walaupun al-Ustaz Muḥammad al-Ghazālī pernah mengkritik kualiti graduan yang dihasilkan oleh al-Azhar tetapi bagi Syekh Muṣṭafā al-Marāghī, Sheikh al-Azhar, apa yang sudah diajarkan di Azhar sudah mencukupi melayakkan mereka untuk berjihad. Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī juga tidak menolak kemungkinan adanya di kalangan ‘ulama terkenal masa kini yang telah mencapai darjat *Mujtahid Muṭlaq*



yang melayakkan mereka untuk berijtihad. Antaranya ialah Syeikh Muḥammad ‘Abduh, Rashid Riḍā, ‘Abd al-Majīd Salīm, Maḥmūd Shaltūt, Muḥammad al-Khidr al-Husīn, Tāhir b. ‘Āsyūr, Farj al-Sanhūrī, Aḥmad Ibrāhīm, ‘Abd al-Wahhāb Khallāf, Muḥammad Abū Zahrah dan ‘Alī Khafīf.<sup>27</sup>

Sifat negatif ini juga telah ditegur oleh Dr. Muḥammad Husīn Al-Dhahabī dalam bukunya *at-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn* yang mendedahkan dilema yang dihadapi oleh Muslim dalam menerima sesuatu pendapat yang bernas menurut pandangan Islam. Umat Islam terutamanya para ‘ulama yang masih ragu-ragu untuk menerima sesuatu pendapat yang bernas sekalipun ianya sesuai sebagaimana juga pendapat yang diutarakan oleh imam-imam mujtahid yang lalu. Malah lebih sedih lagi ialah terlalu ramai daripada mereka yang mencela dan memandang hina pandangan tersebut. Akhirnya lahirlah umat yang terbantut pemikiran mereka dan hilangnya dari umat Islam pandangan-pandangan dan ide-ide yang bermanfaat bagi agama dan dunia mereka.<sup>28</sup> Perkara ini pernah terjadi kepada Ibn Taymiyyah di zaman beliau di mana beliau dianggap sebagai ‘ulama yang menyeleweng hasil daripada ijtihad-ijtihad yang dibuat oleh beliau seringkali bercanggah dengan ‘ulama-‘ulama masa itu yang masih berpegang kuat kepada pandangan yang diikat oleh mazhab-mazhab yang empat sahaja. Walau bagaimanapun setelah diteliti karya-karya dan pandangan-pandangan beliau maka ‘ulama-‘ulama terkemudian tidak merasa ragu untuk mengiktiraf beliau sebagai salah seorang mujtahid dan pencetus kebangkitan semula amalan berijtihad.<sup>29</sup>

### Menjaga Kemaslahatan Umat

Sebagaimana yang telah diperkatakan di bahagian-bahagian awal perbincangan bahawa ijtihad zaman kini sangat diperlukan dalam menghadapi masalah-masalah baru akibat daripada tercetusnya revolusi industri, kemajuan sains dan teknologi dan juga revolusi teknologi maklumat. Masalah baru seperti DNA, AIDS, pemindahan organ, hubungan antarabangsa dan sebagainya menjadikan mereka yang prihatin terhadap Islam tidak mahu ketinggalan dalam menyelesaikannya menurut kacamata Islam. Di samping itu kepentingan (*maṣlahah*) dan kemajuan umat Islam juga perlu diambilkira dan dipelihara. *Maṣlahah* yang dimaksudkan di sini bukannya kepentingan yang bersifat hawa nafsu tetapi kepentingan umum yang bertujuan menjaga kepentingan agama, nyawa, keturunan, akal dan juga harta-benda.<sup>30</sup> Ini sesuai dengan tujuan manusia diutuskan iaitu sebagai khalifah pemakmur di dunia ini. Dunia yang berubah-ubah ini perlu dihadapi secara positif dalam ertikata melihatnya dari perspektif Islam dan untuk kebaikan ummah. Untuk itu umat Islam sangat mengharapkan ijtihad bagi menghuraikan setiap permasalahan yang berlaku. Sheikh Muḥammad al-Ghazālī menambah umat Islam tidak harus berdiam diri atau lari dari masalah tersebut yang beliau anggap sebagai satu keengkaran terhadap tujuan Allah mengutus



manusia ke muka bumi:

“Bersikap mati sebelum mati adalah sesuatu pelarian dari tugas seorang dalam hidup ini.”<sup>31</sup>

Kegagalan kita menyelesaikan perubahan dan ciptaan baru yang berlaku di dunia ini yang kebanyakannya datang dari Barat akan menyebabkan umat Islam akan menimbulkan pertentangan tanpa kesudahan antara yang menerima tamadun Barat ini secara membabi buta dan yang menolaknya tanpa usul periksa. Sejarah telah membuktikan di akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 di mana umat Islam terkapai-kepai akibat kegagalan mereka menghadapi serangan-serangan pengaruh Barat yang dibawa dan ditaja oleh imperialis Barat ketika itu. Kegagalan ‘ulama-‘ulama untuk menyelesaikan perkara ini melalui ijtihad-ijtihad mereka berterusan sehinggalah munculnya tokoh-tokoh revivalis Islam. Kalau Syeikh Muḥammad ‘Abd al-Wahhāb dikira sebagai pengislah akidah ummah, Madyat Bashīa sebagai pengislah politik, pemerintahan dan pentadbiran, maka Sayyid Sheikh al-Afghānī dapat dikira sebagai pengislah pemikiran dan kerohanian ummah.<sup>32</sup>

Perjuangan al-Afghānī misalnya ialah untuk membebaskan pemikiran ummah dari unsur negatif yang telah menguasai mereka sejak berkurun-kurun lamanya. Al-Afghānī mengajak dunia Islam memanfaatkan sesuatu yang positif dari pencapaian tamadun Barat dalam konteks yang bertepatan dengan semangat Islam dan keperluan semasa. Bagi beliau agama bukan sesuatu yang mati tetapi ia adalah sistem untuk mengislahkan kehidupan manusia yang sentiasa berkembang. Begitu juga dengan gerakan islah yang dipimpin oleh Sayyid Aḥmad Khan di India dan Madyat Bashīa di Turki yang mengajak umat Islam menilai aspek positif dari tamadun Barat untuk dimanfaatkan oleh umat Islam. Aspek yang sama juga pernah dilaungkan oleh al-Afghānī, asal sahaja ianya bertepatan dengan ajaran Islam dan keperluan semasa.<sup>33</sup> Dengan sebab itu mereka telah digelar reformis di zaman mereka. Apa yang mereka perjuangkan itu bukan laungan kosong tetapi ianya adalah ijtihad yang mereka lakukan hasil penelitian dan pengkajian yang mendalam yang bersumberkan al-Qur’an dan al-Hadith dengan mengambilkira keadaan masa itu.

### **Penutupan Pintu Ijtihad dan Orientalis**

Di antara faktor penghalang kepada berlakunya kegiatan ijtihad ini juga ialah terdapatnya kepercayaan di kalangan ‘ulama tentang penutupan pintu ijtihad. Ia dikatakan berlaku sejak kurun keempat Hijrah<sup>34</sup> lagi dan ada yang mengatakan bahawa ia bermula pada pertengahan kurun keempat Hijrah.<sup>35</sup> Ianya berpunca daripada perpecahan yang berlaku ke atas empayar kerajaan Islam yang seterusnya membentuk kerajaan-kerajaan kecil. Hasil daripada perpecahan ini menyebabkan terbantutnya

kebebasan berfikir, kejumudan dalam kegiatan ilmu, 'ulama-'ulama mula taksud kepada mazhab mereka dan hilang kepercayaan kepada diri sendiri, banyaknya perdebatan yang tidak berfaedah, lahirnya kadi yang tidak berkelayakan dan kegiatan 'ulama hanya tertumpu kepada pembinaan mazhab dan meringkaskan kitab-kitab sahaja. Akibatnya, lahir sindrom ketakutan di kalangan 'ulama untuk melakukan ijtihad sehingga mereka menyeru berpegang kepada mazhab-mazhab terdahulu dan menutup pintu untuk berjihad. Bagi Dr. Wahbah al-Zuhayli, penutupan ini diambil atas dasar *siyāsah shar'iyah* yang bersifat sementara dengan dakwaan bahawa tidak cukupnya syarat-syarat boleh berlakunya ijtihad. Ini bermakna, bila mana cukup syarat-syarat berjihad maka wajib kembali kepada amalan berjihad kerana tidak ada dalil yang jelas atas penutupan pintu ijtihad ini. Selain daripada itu penutupan pintu ijtihad di masa itu seharusnya dilihat daripada perspektif senario politik dan kegiatan keilmuan pada masa itu yang hanya bersifat sementara dan adalah salah untuk mengekalkan halangan berjihad tersebut hingga ke hari ini. Lantaran itu al-Zuhayli menyatakan penutupan pintu ijtihad ini sebagai satu dakwaan kosong yang tidak bersandarkan kepada dalil-dalil syar'i dan logik yang boleh dipegang, malah ianya hanyalah dakwaan yang diwarisi tanpa asas.<sup>36</sup>

Jika diperhatikan dengan teliti, terdapat kekaburan berhubung dengan dakwaan bahawa berlakunya "penutupan pintu ijtihad". Kekaburan kepada dakwaan ini dapat dilihat daripada kenyataan Jamāl al-Dīn al-Afghānī yang mempersoalkan bilakah berlakunya penutupan tersebut dan siapakah Imam yang mengarahkan supaya pintu ini ditutup.<sup>37</sup> Bagaimana mungkin pintu ijtihad telah tertutup sejak kurun ke-4 Hijrah sedangkan pada kurun ke-5H masih terdapat ramai 'ulama yang mengamalkan ijtihad ini pada masa itu. Malah ianya dipraktikkan secara meluas di zaman 'Abbāsiah.<sup>38</sup> Ibn Taymiyyah yang hidup sekitar tahun 6H adalah merupakan seorang mujtahid yang terkemuka pada masa itu.<sup>39</sup> Ini diakui oleh Rahman yang menganggap Ibn Taymiyyah salah seorang 'ulama yang telah mencapai darjat mujtahid di zaman beliau.<sup>40</sup> Begitu juga dengan keilmuan yang ada pada Imam al-Shawkānī yang melayakkan beliau untuk berjihad. Menurut al-Qaradāwī, Shah Wali Allāh dan Imam al-Shawkānī mempunyai kaedah tersendiri dalam melihat sesuatu permasalahan.<sup>41</sup>

Kekaburan dakwaan ini seterusnya dapat diperhatikan dari sudut kesesuaian dan legitimasinya. Jika ditinjau dan diselidik kitab-kitab fiqh 'ulama terdahulu, tidak terdapat 'ulama-'ulama silam yang membincangkan dan menggunakan prasa "penutupan pintu ijtihad". Apa yang dibincangkan ialah "apakah mungkin sesuatu masa atau zaman itu sunyi daripada mujtahid". Kedua-dua ayat di atas mempunyai makna yang berbeza. Yang pertama menggambarkan seolah-olah ijtihad sejak ianya dicanangkan tidak boleh lagi dipraktikkan. Sedangkan yang kedua memberi gambaran bahawa ijtihad mungkin tidak berlaku jika ketiadaan mujtahid dan mungkin berlaku di

suatu zaman dengan adanya mujtahid. Jadi yang kedua ini masih membuka ruang dan peluang untuk berijtihad bagi 'ulama-'ulama yang memenuhi syarat-syarat mujtahid. Ini disokong oleh kenyataan 'ulama yang percaya bahawa ijtihad boleh tidak berlaku di suatu masa tetapi mereka hanya menghadkan masa itu di zaman mereka dan tidak pernah menyatakannya untuk masa akan datang. Ini dapat difahami dari kata-kata mereka:

“Al-Rāfi'ī berkata: semua makhluk Allah seakan-akan sepakat bahawa sekarang tidak ada mujtahid.”<sup>42</sup>

Imam Zarkashī menyatakan dalam bukunya, *al-Baḥr*, “zaman sekarang ini telah sunyi dari seorang *mujtahid mustaqill*.”<sup>43</sup>

Jika adapun penggunaan frasa (*insidād bāb al-ijtihād*) ini ialah di kalangan 'ulama mutakhirin dan juga para orientalis. Di antara mereka ialah Dr. 'Abd al-Karim Zaydān yang menyatakan bahawa penutupan ini dilakukan atas dasar menjaga kesucian Islam akibat daripada ijtihad dilakukan oleh mereka yang tidak berkelayakan. Walau bagaimanapun beliau sendiri tidak setuju dengan penutupan ini, bahkan ianya hanya slogan kosong yang tidak praktikal. Ini kerana bagi beliau “ijtihad itu kekal di dalam perundangan Islam dan tidak akan lupus”. Apa yang penting bagi beliau ialah menjaga syarat-syarat ijtihad dan bukannya menutup pintu ijtihad sama sekali kepada mereka yang berkelayakan. Malah beliau sendiri dengan jelas menyatakan bahawa di antara akhir kurun ke-4H sehingga kejatuhan Baghdad pada tahun 656H terdapatnya mujtahid-mujtahid yang berkelayakan tetapi disebabkan kurangnya kepercayaan pada diri sendiri, menurunnya nilai kegigihan dan hemah, maka mereka lebih suka merujuk fatwa-fatwa yang sedia ada.<sup>44</sup> Kesimpulannya, sekalipun benar adanya “penutupan pintu ijtihad” ianya bukan atas dasar mustahil wujudnya mujtahid yang berkelayakan tetapi ianya adalah disebabkan faktor-faktor semasa yang bertujuan menjaga kesuciaan Islam.

Berdasarkan kenyataan di atas, penutupan ini hanya dicanangkan oleh orientalis-orientalis. Frasa “penutupan pintu ijtihad” hanya diketahui kewujudannya sekitar tahun 1927 dalam penulisan Ostorrong berjudul *Angora Reform*. Sejak dari itu frasa ini mula digunakan dengan meluasnya oleh orientalis-orientalis dalam membincangkan isu berkaitan dengan ijtihad. Ini berkait rapat dengan munculnya orientalisme pada kurun ke-19 yang mana orientalis-orientalis Barat menggunakan frasa ini sebagai satu cara membantutkan kebebasan berfikir dan juga perkembangan hukum Islam. Jadi tidak hairanlah orientalis-orientalis seperti Schacht, Coulson, Ostorrong, Gibb dan Brown mempelopori dan menyokong dakwaan wujudnya “penutupan pintu ijtihad” ini dan seterusnya mendakwa bahawa ianya dibuat oleh 'ulama-'ulama terdahulu.<sup>45</sup>

Prof. Ahmad Shalabi mempunyai pendapat yang berbeza kenapa pintu ijtihad ini

ditutup. Bagi beliau zaman keagungan imam yang empat telah meninggalkan satu perbendaharaan yang besar di dalam permasalahan fiqh yang mana seolah-olah mereka bermaksud untuk membebaskan generasi-generasi terkemudian dari melakukan ijtihad atau memikirkan untuk memecahkan sesuatu permasalahan. Dengan lain perkataan, ijtihad generasi ini boleh dikatakan sudah sampai ke kemuncaknya. Mereka bukan sahaja menyelesaikan permasalahan yang berlaku, malah kegiatan mereka melampaui batas sehingga mengandaikan permasalahan dan mengemukan penyelesaiannya. Apa yang berlaku, generasi terkemudian merasakan tidak perlu lagi untuk berijtihad kerana segalanya telah tersedia jawapannya. Walau bagaimanapun ini bukan bermakna mereka enggan berijtihad tetapi ini adalah kerana mereka merasakan ijtihad itu masih tidak diperlukan lagi. Kemudian datang generasi berikutnya yang lantas meniru sikap mereka yang sebelumnya dengan enggan berijtihad. Akan tetapi pandangan mereka adalah berbeza dengan generasi sebelumnya. Mereka menyangka generasi sebelumnya tidak berijtihad kerana pintu ijtihad telah ditutup. Justeru itu, tidak ada jalan lain kecuali mengamalkan taqlid.<sup>46</sup>

### **Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan di atas, bolehlah disimpulkan bahawa permasalahan penutupan pintu ijtihad ini masih diperselisihkan oleh para 'ulama walaupun masyarakat Islam pada hari ini seolah-olah telah menerima secara bulat-bulat dakwaan penutupan tersebut. Penutupan ini digembar-gemburkan oleh para orientalis bagi menjamin kemunduran dan kejumudan berfikir umat Islam. Berdasarkan keadaan umat Islam pada hari ini, tidak syak lagi bahawa ijtihad sangat diperlukan bagi menyelesaikan permasalahan umat, menjamin kemaslahatan umat dapat dibela dan menggalakkan kebebasan dan kemajuan berfikir umat di zaman moden ini. Walau bagaimanapun ianya harus dikawal selia bagi mengelakkan dari disalahgunakan oleh mereka yang tidak berkelayakan di dalam mengeluarkan ijtihad.

### **Nota Hujung**

1. Al-Zarqā', Aḥmād b. Muḥammad, *Sharḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, Dār al-Qalam, Damsyik, 1989, hal. 227.
2. Qur'an, al-Tawbah 9:43.
3. Al-Zuhaylī, Wahbah, *Usūl al-Fiqh al-Islāmī*, jil.2, Dār al-Fikr, Damsyik, 1986, hal. 1057.
4. Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān b. Abī Bakr, *Kitāb al-Radd 'alā Man Akhlada ilā al-Ard wa Jahila 'an al-Ijtihād fī Kull 'Aṣr Fard*, Dār al-Kutub al-

*Penutupan Pintu Ijtihad: Satu Kajian Semula*

- 'Ilmiyah, Beirut, 1983, hal. 112. Al-Zuhaylī, Wahbah, *Usūl al-Fiqh al-Islāmī*, jil.2, hal. 1079.
5. Al-Ghazālī, Abū Ḥamīd Muḥammad b. Muḥammad b. Muḥammad, *al-Mustasfā*, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1994, hal. 344.
  6. Al-Shawkānī, *Irshād al-Fuḥūl*, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1994, hal. 375.
  7. Abū Zahrah, Muḥammad, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, Dār al-Fikr al-'Arābī, Kaheerah, t.th., hal. 318.
  8. Al-Zuhaylī, Wahbah, *Usūl al-Fiqh al-Islāmī*, hal. 1071.
  9. Al-Suyūṭī, Jālāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān b. Abī Bakr, *Kitāb al-Radd 'alā Man Akhlada ilā al-Arḍ wa Jahila 'an al-Ijtihād fī Kulli 'Asr Farḍ*, hal. 112.
  10. Al-Qaradāwī, Yūsuf, *Ijtihad dan Syariat Islam*, (terj. Drs. Ahmad Syathori), Thinker's Library Sdn. Bhd., Malaysia, 1988, hal. 107.
  11. *Ibid*, hal. 109.
  12. Al-Zuhaylī, Wahbah, *Usūl al-Fiqh al-Islāmī*, jil.2, hal. 1079-1081.
  13. Al-Qaradāwī, Yūsuf, *Ijtihad dan Syariat Islam*, (terj. Drs. Ahmad Syathori), hal. 95.
  14. Al-Shawkānī, *Irshād al-Fuḥūl*, hal.375; Abū Zahrah, Muḥammad, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, hal. 318
  15. Al-Ghazālī, Abū Ḥamīd, *al-Mustasfā*, hal. 345.
  16. Al-Shawkānī, *Irshād al-Fuḥūl*, hal. 377.
  17. Al-Qaradāwī, Yūsuf, *Ijtihad dan Syariat Islam*, (terj. Drs. Ahmad Syathori), hal. 79.
  18. *Ibid*, hal. 77.
  19. Al-Ghazālī, Abū Ḥamīd, *al-Mustasfā*, hal. 345.
  20. Al-Shawkānī, *Irshād al-Fuḥūl*, hal.213; Al-Qaradāwī, Yūsuf, *Ijtihad dan Syariat Islam*, (terj. Drs. Ahmad Syathori), hal. 106.
  21. A. J. Wensinck, *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Ḥadīth al-Nabawī*, jil. 1, Dār al-Da'wah, Istanbul, 1988, hal. 485; Al-Qaradāwī, Yūsuf, *Ijtihad dan Syariat Islam*, (terj. Drs. Ahmad Syathori), hal. 106; Al-Zuhaylī, Wahbah, *Usūl al-Fiqh al-Islāmī*, jil. 2, hal. 1070.
  22. Al-Zuhaylī, Wahbah, *Usūl al-Fiqh al-Islāmī*, jil. 2, hal. 1070.
  23. Al-Qaradāwī, Yūsuf, *Ijtihad dan Syariat Islam*, terj. Drs. Ahmad Syathori, hal.149.
  24. *Ibid*, hal. 112.
  25. Riḍā, Muḥammad Rashid, *Tafsīr al-Manār*, jil. 5, Dār al-Fikr, Beirut, 1973, hal. 205.

26. Al-Qaradāwī, Yūsuf, *Ijtihad dan Syariat Islam*, (terj. Drs. Ahmad Syathori), hal. 144.
27. *Ibid*, hal. 147.
28. *Ibid*, hal. 200.
29. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1992, hal. 226; *Jurnal Syariah*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, jil. 4 (bhg. 1), Jan. 96, hal. 53.
30. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, "Sumbangan al-Ghazali Terhadap Pengajian Ilmu Hukum", *Seminar al-Ghazali dan Sumbangannya*, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988, hal. 146.
31. *Jurnal Syariah*, Jan 1996, jil. 4 (bhg. 1), hal. 7.
32. *Al-Manar*, Jun 1997, hal. 9.
33. *Ibid*, hal. 11.
34. Al-Zuhaylī, Wahbah, *Usūl al-Fiqh al-Islāmī*, jil. 2, hal. 1085.
35. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, hal. 214.
36. Al-Zuhaylī, Wahbah, *Usūl al-Fiqh al-Islāmī*, jil. 2, hal. 1085.
37. *Jurnal Syariah*, Jan 1996, jil. 4 (bhg. 1), hal. 53.
38. *Ibid*.
39. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, hal. 227; *Jurnal Syariah*, Jan 1996, jil. 4 (bhg. 1), hal. 53.
40. Rahman, Tanzilur, *Essays on Islam*, Islamic Publications Ltd, Lahore, 1988, hal. 133.
41. Al-Qaradāwī, Yūsuf, *Ijtihad dan Syariat Islam*, (terj. Drs. Ahmad Syathori), hal. 126.
42. Al-Shawkānī, *Irshād al-Fuḥūl*, hal. 375.
43. *Ibid*.
44. Zaydān, 'Abd al-Karīm, *al-Madkhal li Dirāsāt al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, Mu'assasah al-Risālah, Beirut, 1981, hal. 147.
45. *Jurnal Syariah*, Jan 1996, jil. 4 (bhg. 1), hal. 51.
46. Shalabī, Ahmad, *Masyarakat Islam*, (terj. Prof. Muchtar Jahja), Jogjakarta, 1957, hal. 180.